



Jawapan

Kertas Model UASA

BAHAGIAN >>>A

- | | | | | |
|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| 1. B | 2. C | 3. D | 4. B | 5. A |
| 6. C | 7. C | 8. A | 9. C | 10. D |
| 11. B | 12. C | 13. B | 14. B | 15. A |
| 16. C | 17. A | 18. C | 19. B | 20. A |

BAHAGIAN >>>B

- 1.** (a) (i) Mengatasi kelemahan Sistem Residen.
(ii) Menyeragamkan pentadbiran.
(iii) Menjamin keselamatan negeri.
(b) • Gabungan negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang.
• Pentadbiran Persekutuan diketuai oleh Residen Jeneral.
• Raja-Raja Melayu menerima nasihat Residen Jeneral dalam semua hal pentadbiran, kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan adat Melayu.
(c) (i) Kepakaran / kekayaan negeri dapat dikongsi bersama.
(ii) Pembinaan sistem perhubungan / pengangkutan menjadi mudah.
(iii) Pentadbiran dapat diseragamkan.
(iv) Pertahanan kerajaan persekutuan lebih kukuh.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

- 2.** (a) (i) Terletak di tengah-tengah laluan perdagangan di antara China dan Singapura.
(ii) Kapal dagang dapat berlabuh di pelabuhan dengan selamat daripada tiupan angin monsun.
(b) (i) SBUB bersetuju menerima Penasihat British.
(ii) SBUB melantik Pegawai Tadbir daripada pegawai yang diakui British.
(iii) SBUB memelihara adat resam, agama dan undang-undang penduduk tempatan.
(iv) SBUB tidak dibenarkan menyerahkan Sabah kepada pihak lain tanpa kebenaran British.
(c) (i) Sentiasa berwaspada terhadap tindak-tanduk kuasa luar.
(ii) Memperkasa sistem pendidikan.
(iii) Mewujudkan pentadbiran dalam negeri yang stabil.
(iv) Menyatupadukan rakyat untuk memelihara kestabilan.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

- 3.** (a) (i) Memerlukan modal yang besar.
(ii) Pengeluaran hasil dalam skala yang besar.
(iii) Menggunakan teknologi moden.
(b) • Lada hitam, buah pala dan bunga cengkih diusahakan di Pulau Pinang dan Singapura.
• Ladang kopi dibuka di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor.
• Kelapa sawit ditanam secara komersial di Kuala Selangor.

(c) (i) Memberikan tumpuan kepada penyelidikan (R&D) dalam pertanian.

- (ii) Mempelbagaikan jenis pertanian.
- (iii) Mempromosikan hasil pertanian Malaysia di persada dunia.
- (iv) Penciptaan/ penggunaan teknologi moden/ canggih.

(Mana-mana jawapan yang munasabah)

- 4.** (a) • Menentang pengenalan pentadbiran Barat di Terengganu.
• Menolak undang-undang tanah yang berlawanan dengan hukum syarak.
(b) • Penentangan bersifat setempat.
• Gerakan penentangan tidak mendapat sokongan yang menyeluruh.
• British berpaktat dengan Belanda untuk memadamkan kebangkitan masyarakat tempatan.
• British menggunakan pelbagai strategi untuk mengatasi kebangkitan masyarakat tempatan / kekuatan tentera / senjata moden / memecahbelahkan pakatan / menggunakan istana / tipu daya.
- (c) (i) Mengadakan rundingan.
(ii) Membuat aduan kepada pihak atasan.
(iii) Mengadakan pungutan suara.
(iv) Menggunakan saluran mahkamah.
(Mana-mana jawapan yang munasabah)

BAHAGIAN >>>C

- 1.** (a) • British berundur dari Sumatera.
• British menyerahkan Bangkahulu kepada Belanda.
• British tidak akan membuka petempatan baharu di Kepulauan Riau Lingga dan Kepulauan lain di selatan Singapura.
• Belanda mengiktiraf petempatan British di Singapura.
• Belanda menyerahkan Melaka dan jajahan takluknya kepada British.
• Belanda tidak akan membuka petempatan baharu di Tanah Melayu.
(b) • Alam Melayu terbahagi kepada dua lingkungan pengaruh kuasa Barat.
• Selat Melaka dan Selat Singapura dijadikan sempadan.
• British dan Belanda hanya mengutamakan kepentingan mereka terjamin.
• Kedaulatan kerajaan-kerajaan Alam Melayu dipinggirkkan.
• Empayar Kesultanan Johor-Riau mengalami perpecahan.
• Singapura menjadi tanah jajahan British.
• Kepulauan Riau-Lingga berada di bawah pengaruh Belanda.
• Belanda menghapuskan institusi Kesultanan Riau Lingga pada tahun 1911.
• Pahang mengisyiharkan kedaulatannya.

- Selat Melaka di bawah penguasaan British.
- British berjaya menguasai perdagangan di Selat Melaka.
- Pengunduran Belanda dari Tanah Melayu membolehkan British meluaskan kuasanya ke negeri-negeri Melayu.

[Mak. 6m]

- (c) • Sentiasa memelihara keistimewaan yang sedia ada di negara kita.
- Mengelakkan eksloitasi kuasa luar.
 - Memastikan pentadbiran negara diurus dengan baik.
 - Kepentingan negara/ rakyat dilindungi.
 - Mengutamakan pengamalan sistem demokrasi.
 - Mempertahankan sistem pemerintahan yang sedia ada/ institusi raja.
 - Sentiasa mengikuti perkembangan di dalam dan luar negara.
 - Menguatkan jati diri.
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)*

2. (a) • Dalam Durbar 1903 di Kuala Lumpur, Sultan Perak, Sultan Idris Murshidul Adzam Shah mengkritik pemerintahan British yang menumpatkan kuasa di tangan Residen Jeneral.
- Mendesak dilaksanakan langkah mengembalikan kuasa raja.
 - Menuntut bilangan pegawai Melayu dalam perkhidmatan kerajaan persekutuan ditambah dan dilantik ke jawatan yang lebih tinggi.
 - Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhammad ibni Yamtuan Antah menuntut bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi Persekutuan.
 - Melalui Durbar 1932 di Pekan, Pahang, Sultan Perak, Sultan Iskandar Shah mendesak agar kuasa pemerintahan dikembalikan kepada Raja-raja Melayu dan Majlis Negeri dalam semua aspek pemerintahan negeri.
 - Dalam Durbar 1937 di Klang, Selangor, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman menggesa British mengembalikan peluang perkhidmatan kepada buruh dari rumpun Alam Melayu.
 - Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muazzam Shah mendesak British memberikan perhatian kepada masalah orang Melayu yang tidak mempunyai pekerjaan atau tanah.

- Melalui Durbar 1939 di Seri Menanti, Negeri Sembilan, Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Shah mencadangkan penubuhan Malay Girls College yang sama taraf dengan Malay College Kuala Kangsar untuk meningkatkan pendidikan kaum wanita.

[Mak. 6m]

- (b) • Menjalinkan hubungan baik dengan kerajaan Negeri-Negeri Selat.
- British mengekalkan kawasan Teluk Belanga di Singapura sebagai milik Kesultanan Johor.
 - Berkunjung ke London untuk bertemu dengan Ratu Victoria.
 - Dikurniakan gelaran Maharaja Johor pada tahun 1868.
 - Meredakan tekanan Gabenor Negeri-Negeri Selat.
 - Diberi kepercayaan menyelesaikan pertikaian di negeri-negeri Melayu.
 - Menubuhkan Lembaga Penasihat Johor di London.
 - Melantik ahli dalam kalangan pegawai British yang berpengaruh.
 - Untuk membantu menasihati baginda dalam hal pentadbiran.

[Mak. 6m]

- (c) • Permuafakatan pemerintah membawa kesejahteraan kepada rakyat.
- Sikap berani dan kebijaksanaan merupakan asas penting kepada seseorang pemimpin.
 - Rakyat hendaklah bersatu padu memberikan sokongan kepada raja/ pembesar.
 - Mempertahankan kedaulatan negara tanggungjawab kita semua.
 - Memelihara kestabilan negara bagi mengelakkan campur tangan kuasa luar.
 - Menyokong/ menjayakan dasar pemerintah.
 - Perpaduan rakyat menjamin keutuhan negara.
 - Pemimpin berwawasan memperkasakan pentadbiran negara.
 - Rakyat memberikan taat setia kepada raja/ pemimpin.
- (Mana-mana jawapan yang munasabah)*

[Mak. 8m]